

PM ziarah mangsa banjir

TEMERLOH: Tan Sri Muhyiddin Yassin terus meluangkan masa melawat kawasan dan mangsa-mangsa terjejas akibat banjir dengan semalam Perdana Menteri berkunjung ke daerah ini dan Maran.

Perdana Menteri tiba di Pangkalan Udara Kuantan pukul 9.30 pagi disambut Menteri Besar, Datuk Seri

Wan Rosdy Wan Ismail.

Selepas itu, Muhyiddin dan Wan Rosdy terus menaiki helikopter bagi bertemu mangsa-mangsa di pusat penempatan sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Temerloh.

Selama 40 minit berada di PPS tersebut, Perdana Menteri beramah-mesra,

menyantuni warga emas dan menyampaikan sumbangan kit makanan kepada mereka.

Dari situ, Muhyiddin pergi ke Maran dan bertemu mangsa banjir yang ditempatkan di PPS di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan, Chenor.

Maran adalah daerah pertama di negeri ini yang dilanda banjir sejak 2 Januari lalu.



TAN Sri Muhyiddin Yassin menziarah seorang mangsa banjir ketika melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Afzan, Chenor semalam. - FB MUHYIDDIN YASSIN